

## SOALAN LAZIM KEMASUKAN MURID KE TINGKATAN ENAM

### A. SYARAT TAWARAN

#### 1. Adakah murid perlu memohon untuk masuk ke Tingkatan Enam Semester 1 selepas keputusan SPM diumumkan?

Tidak perlu. Calon lepasan SPM yang layak dan memenuhi syarat akan ditawarkan ke Tingkatan Enam.

#### 2. Apakah syarat-syarat kelayakan masuk ke Tingkatan Enam?

##### a. Syarat am

- Lulus SPM dengan mendapat sekurang-kurangnya kepujian bagi mata pelajaran Bahasa Melayu.
- Berumur antara 17 hingga 20 tahun pada 1 Januari tahun 2022.

##### b. Syarat Khas

- Bidang Sains - Mendapat sekurang-kurangnya tiga kepujian dalam mata pelajaran sains dengan jumlah mata gred tidak melebihi 18 unit.
- Bidang Sains Sosial - Mendapat sekurang-kurangnya tiga kepujian dengan jumlah mata gred tidak melebihi 12 unit.

#### 3. Apakah nilai wajaran mata unit untuk kiraan bagi kemasukan ke Tingkatan Enam?

Jadual Wajaran Mata Gred SPM

Gred	Nilai Gred Purata Keseluruhan (GPK)	Tahap
A+	1	Cemerlang Tertinggi
A	1	Cemerlang Tinggi
A-	2	Cemerlang
B+	3	Kepujian Tertinggi
B	4	Kepujian Tinggi
C+	5	Kepujian Atas
C	6	Kepujian
D	7	Lulus Atas
E	8	Lulus
G	9	Gagal

## **B. SEMAKAN KEPUTUSAN**

### **4. Bilakah murid lepasan SPM tahun 2021 boleh menyemak keputusan tawaran ke Tingkatan Enam Semester 1 Tahun 2022?**

Murid lepasan SPM tahun 2021 boleh menyemak keputusan tawaran ke Tingkatan Enam Semester 1 Tahun 2022 mulai **7 Julai 2022** hingga **24 Julai 2022**.

### **5. Bagaimanakah cara bagi membuat semakan keputusan ke Tingkatan Enam Semester 1 tahun 2022?**

Murid lepasan SPM 2021 boleh membuat semakan keputusan tawaran ke Tingkatan Enam Semester 1 Tahun 2022 di portal Aplikasi Dalam Talian Tingkatan Enam (<https://sst6.moe.gov.my>).

Murid yang tiada capaian internet boleh merujuk kepada sekolah asal untuk bantuan bagi permohonan rayuan mengikut kaedah yang bersesuaian.

### **6. Bagaimanakah murid melapor diri ke Tingkatan Enam Semester 1 tahun 2022?**

Murid perlu melapor diri secara bersemuka di Kolej/Pusat Tingkatan Enam yang ditawarkan berdasarkan peraturan yang sedang berkuatkuasa serta yang akan dikeluarkan dari semasa ke semasa.

### **7. Bilakah tarikh melapor diri murid Tingkatan Enam Semester 1 Tahun 2022?**

Tarikh melapor diri ke Tingkatan Enam Semester 1 Tahun 2022 pada **25 Julai 2022**.

## **C. PERMOHONAN RAYUAN**

### **8. Adakah murid lepasan SPM 2021 yang tidak memenuhi syarat kemasukan ke Tingkatan Enam boleh membuat permohonan rayuan?**

Boleh. Murid boleh membuat rayuan secara dalam talian di pautan <https://sst6.moe.gov.my/> dengan mengisi borang rayuan ke Tingkatan Enam

tahun 2022 bagi calon sekolah kerajaan berdasarkan pencapaian kokurikulum (T6BKK)

Murid yang tiada capaian internet, pihak sekolah akan membantu menguruskan permohonan rayuan murid mengikut kaedah yang bersesuaian.

**9. Bilakah permohonan rayuan kemasukan ke Tingkatan Enam dibuka?**

Permohonan rayuan kemasukan ke Tingkatan Enam dibuka mulai **7 Julai 2022** hingga **24 Julai 2022**.

**10. Adakah calon persendirian/sekolah swasta/Sekolah Menengah Agama Negeri SPM tahun 2021, boleh memohon ke Tingkatan Enam Semester 1 Tahun 2022 di Sekolah Kerajaan?**

Boleh. Murid boleh membuat permohonan rayuan secara dalam talian di pautan <https://sst6.moe.gov.my/> dengan mengisi borang rayuan calon persendirian, Sekolah Swasta dan Sekolah Menengah Agama Negeri (T6BCP). Kelulusan adalah berdasarkan kepada syarat kemasukan dan kekosongan tempat.

Murid yang tiada capaian internet, boleh menghubungi sekolah yang berhampiran mengikut kaedah yang bersesuaian bagi membuat permohonan rayuan.

**11. Bagaimanakah cara untuk menukar Kolej Tingkatan Enam/Pusat Tingkatan Enam yang ditawarkan?**

Permohonan rayuan pertukaran Kolej Tingkatan Enam/Pusat Tingkatan Enam perlu dikemukakan ke Pejabat Pendidikan Daerah yang berkaitan dengan menggunakan Borang P.U.(A) 275 Jadual Ketiga [Permohonan untuk Bertukar Sekolah oleh Murid Warganegara].

Kelulusan pertukaran adalah tertakluk kepada kekosongan tempat.

**12. Apakah yang perlu dilakukan oleh murid lepasan SPM 2021 di sekolah kerajaan dan bantuan kerajaan serta memenuhi syarat kemasukan ke Tingkatan Enam, tetapi tidak menerima tawaran kemasukan ke Tingkatan Enam Semester 1 Tahun 2022?**

Murid perlu menghubungi Jabatan Pendidikan Negeri/Pejabat Pendidikan Daerah yang berhampiran dengan kediaman masing-masing untuk semakan tawaran kemasukan ke Tingkatan Enam Semester 1 Tahun 2022.

**13. Apakah yang perlu dilakukan oleh murid sekiranya nama kolej/pte tidak dinyatakan dalam surat tawaran?**

Murid perlu menghubungi Jabatan Pendidikan Negeri/Pejabat Pendidikan Daerah yang berhampiran dengan kediaman masing-masing untuk mendapatkan nama Kolej/Pusat Tingkatan Enam yang ditempatkan.

**14. Adakah pertukaran bidang pengajian (Sains atau Sains Sosial) dibenarkan dan bilakah permohonan boleh dibuat?**

Ya. Murid boleh mengemukakan permohonan menukar bidang (Sains atau Sains Sosial) melalui Kolej/Pusat Tingkatan Enam yang ditempatkan

**15. Adakah murid bukan warganegara Malaysia boleh memohon ke Tingkatan Enam Semester 1?**

Permohonan murid bukan warganegara adalah tertakluk kepada *seksyen 130 Akta Pendidikan 1996 Peraturan-peraturan Pendidikan (Penerimaan Masuk Murid ke Sekolah, Penyimpanan Daftar dan Syarat Bagi Pengekalan Murid Belajar Di Sekolah) 1998*. Permohonan adalah tertakluk kepada syarat am dalam kelayakan kemasukan ke Tingkatan Enam yang telah ditetapkan.

Murid boleh membuat permohonan dengan mengisi borang P.U(A)275-Jadual Pertama yang boleh diperolehi dari Jabatan Pendidikan Negeri/Pejabat Pendidikan Daerah yang berhampiran.

**16. Saya telah menolak tawaran Universiti Awam/IPTA/IPTS/setara, bolehkah saya memohon ke Tingkatan Enam?**

Boleh. Calon yang menolak tawaran Universiti Awam/IPTA/IPTS/setara perlu membuat permohonan rayuan secara dalam talian di pautan <https://sst6.moe.gov.my/> dengan mengisi Borang Rayuan Umum Kemasukan ke Tingkatan Enam (T6BRU).

**17. Saya tidak menamatkan pengajian di Universiti Awam/IPTA/IPTS/setara, bolehkah saya merayu untuk masuk ke Tingkatan Enam?**

Boleh. Calon yang tidak menamatkan pengajian di Universiti Awam/IPTA/IPTS/setara perlu membuat permohonan rayuan secara dalam talian di pautan <https://sst6.moe.gov.my/> dengan mengisi Borang Rayuan Umum Kemasukan ke Tingkatan Enam (T6BRU).

Kelulusan adalah berdasarkan kepada syarat kemasukan dan kekosongan tempat.

**D. PENGURUSAN TINGKATAN ENAM**

**18. Dimanakah saya boleh mendapatkan maklumat lanjut berkaitan tawaran kemasukan ke Tingkatan Enam?**

Maklumat berkaitan tawaran kemasukan ke Tingkatan Enam boleh diperoleh daripada portal KPM (<https://www.moe.gov.my>) dan portal Aplikasi Dalam Talian Tingkatan Enam (<https://sst6.moe.gov.my/>). Murid juga boleh menghubungi Jabatan Pendidikan Negeri atau Pejabat Pendidikan Daerah yang berhampiran dengan kediaman masing-masing melalui telefon/emel (rujuk portal yang sama).

**19. Adakah murid boleh menangguh untuk melapor diri ke Kolej/Pusat Tingkatan Enam yang telah ditetapkan?**

Tidak boleh. Murid perlu mendaftar dalam tempoh yang telah ditetapkan. Sekiranya murid membuat penangguhan, maka tempoh pengajian minimum 20 minggu dalam semester 1 tidak dapat dipenuhi sebelum menduduki peperiksaan STPM Semester.

**20. Apakah pakaian murid Tingkatan Enam?**

Pakaian murid adalah berpandukan Surat Pekeliling Ikhtisas Bilangan 2 Tahun 2014 Etika Pakaian Murid Tingkatan Enam. Pakaian murid lelaki ialah baju kemeja berseluar panjang lengkap dengan kasut dan stoking. Pakaian murid perempuan ialah baju kurung, gaun, gaun labuh/jenis jubah/maksi, two-piece/three piece suit pants lengkap dengan kasut atau pakaian tradisional kaum masing-masing yang bersesuaian dan lengkap. Sebarang pakaian yang menggunakan material jenis denim tidak dibenarkan. Jean, cargo pants, seluar

pendek, atau legging tidak dibenarkan. Apa-apa pakaian yang menutup muka tidak dibenarkan. Murid dilarang memakai kemeja-T semasa menghadiri kelas. Murid hendaklah berpakaian kemas, sopan dan tidak mencolok mata. Pakaian yang jarang dan ketat juga tidak dibenarkan. Walau bagaimanapun, murid juga boleh mengenakan pakaian seragam sekolah sekiranya perlu (hak memilih terpulang pada murid).

**21. Bagaimana murid Sekolah Integriti boleh memohon kemasukan ke Tingkatan Enam?**

Permohonan ke Tingkatan Enam boleh dibuat menerusi Sekolah Integriti masing-masing dan tertakluk di bawah kawalan Kementerian Dalam Negeri.

**22. Saya murid lepasan Sijil Vokasional Malaysia (SVM), bolehkah saya menyambung pengajian di Tingkatan Enam, KPM?**

Boleh. Murid boleh menghubungi JPN/PPD yang berhampiran dengan kediaman masing-masing untuk semakan tawaran kemasukan ke Tingkatan Enam Semester 1 Tahun 2022.

Bagi murid yang tiada capaian internet, pihak sekolah akan membantu murid membuat semakan tawaran kemasukkan ke Tingkatan Tingkatan Enam Semester 1 Tahun 2022.

**23. Adakah murid bawah Program Vokasional Menengah Atas (PVMA). Adakah saya boleh menyambung pengajian di Tingkatan Enam, KPM?**

Boleh. Murid boleh menghubungi JPN/PPD yang berhampiran dengan kediaman masing-masing untuk semakan tawaran kemasukan ke Tingkatan Enam Semester 1 Tahun 2022.

Bagi murid yang tiada capaian internet, pihak sekolah akan membantu murid membuat semakan tawaran kemasukkan ke Tingkatan Enam Semester 1 Tahun 2022.

(Bagi murid PVMA mata pelajaran yang diambil kira bagi pengiraan dalam syarat khas kemasukan ke Tingkatan Enam Semester 1 Tahun 2022 adalah hanya melibatkan matapelajaran yang setara dengan SPM iaitu Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris dan Sejarah).

## **E. SESI PENGAJIAN**

### **24. Bilakah sesi pengajian Tingkatan Enam Semester 1 tahun 2022 bermula?**

Sesi pengajian bagi Tingkatan Enam Semester 1 Tahun 2022 bagi sekolah dalam negeri kumpulan A dan sekolah dalam negeri kumpulan B akan bermula pada **25 Julai 2022**.